



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2010**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Ketua Jabatan Mengakaun Sendiri,
Semua Pengarah Negeri/Cawangan JANM,

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2010**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan :

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2010 oleh Kementerian/Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2010; dan

1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian/Jabatan jika tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2010 telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR
Disember 2010	Baucar Bayaran Manual	23 Disember 2010
	Dokumen Kewangan eSPKB	27 Disember 2010
Januari 2011 (AKB)	Baucar Bayaran Manual	06 Januari 2011
	Baucar Bayaran eSPKB	06 Januari 2011
	Penyata Pemungut eSPKB	06 Januari 2011
	Baucar Jurnal eSPKB	06 Januari 2011
	Baucar Bayaran (kuiри)	10 Januari 2011
	Waran Peruntukan Manual	13 Januari 2011
	Waran Peruntukan eSPKB	13 Januari 2011

3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH YANG TELAH DITETAPKAPKAN

3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/bekalan yang diterima dalam tahun 2010 tetapi tidak sempat mengemukakan bayaran sebelum tarikh yang telah ditetapkan, bayaran perlu dicaj kepada Vot tahun 2011. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas

di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan; dan

- 3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian/Jabatan tetapi ditolak/dikuiriri oleh Pejabat Perakaunan, baucar berkenaan hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewatnya pada 10 Januari 2011 bagi membolehkan bayaran dibuat dalam tempoh AKB. Jika lewat hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2011 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

4. **PENUTUP**

- 4.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti Pengurusan Kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2010 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- 4.2 Dokumen-dokumen kewangan yang lewat diterima seperti mana di para 2 akan ditolak dan akan diproses melalui peraturan kewangan semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD

Akauntan Negara Malaysia

22 November 2010

s.k. Ketua Audit Negara